

# 18,000 liter air minuman dihantar ke kolej kediaman UMS

Oleh [Izwan Abdullah](#) - Disember 30, 2023 @ 9:26am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud berucap pada majlis kesyukuran sempena setahun sebagai Ahli Parlimen Sepanggar di dewan Masjid Al Munir, Kampung Darau, Manggatal, malam tadi. - Foto NSTP/Mohd Adam Arinin

KOTA KINABALU: Sebanyak 18,000 liter atau 1,000 karton air minuman dihantar ke kolej kediaman Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, bagi mengurangkan masalah dihadapi pelajar yang berdepan gangguan bekalan air.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud, berkata inisiatif itu diambil Pejabat Parlimen Sepanggar selepas pihaknya dimaklumkan mengenai masalah berkenaan minggu lalu.

Katanya, penghantaran air minuman itu dibuat semalam dan kelmarin sebagai langkah segera memastikan pelajar yang berada di kampus UMS Kota Kinabalu tidak terputus bekalan air.

Pada masa yang sama, katanya Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dan pengurusan UMS juga melaksanakan penghantaran air bagi memenuhi keperluan pelajar serta warga kampus.

"Untuk mengurangkan keresahan pelajar, kita menghantar 18,000 liter air mineral ke kolej kediaman yang memerlukan dan kalau ada keperluan, kita akan hantar lagi selepas ini.

"Bagi air kegunaan biasa, kita bergantung kepada Jabatan Air, sebab UMS ada tangki, jadi kita tidak mahu bertembung, mana yang Jabatan Air boleh buat atau UMS boleh buat itu mereka buat.

"Di pihak kita, penghantaran air minuman ini sebab ada pelajar yang sedang menduduki peperiksaan. Jadi kita hantar air minuman untuk kegunaan mereka buat sementara waktu," katanya ditemui selepas majlis kesyukuran sempena setahun sebagai Ahli Parlimen Sepanggar, di sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu gangguan bekalan air yang dihadapi warga UMS kebelakangan ini, terutama di kolej kediaman pelajar hingga menjelaskan rutin harian mereka.

Mustapha mengakui, beliau turut menerima surat daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS berhubung isu itu pada minggu lalu meminta penyelesaian masalah berkenaan.

Berikutan itu, katanya beliau mengarahkan Pejabat Parlimen Sepanggar untuk mengatur perbincangan di antara MPP, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dan pengurusan universiti bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung isu itu dan langkah penyelesaiannya.

"Saya difahamkan mesyuarat sudah diadakan tadi (semalam) dan saya berharap perbincangan itu akan dapat meredakan keadaan, selain pihak MPP UMS juga dapat memahami apa sebenarnya masalah yang dihadapi JANS terutamanya," katanya.

Sementara itu, Mustapha berkata usaha untuk mengatasi masalah air di UMS dan seluruh kawasan Parlimen Sepanggar akan terus menjadi tumpuannya selaku Ahli Parlimen kawasan itu pada tahun depan.

Katanya, kawasan Parlimen Sepanggar, termasuk UMS paling terjejas akibat kekurangan bekalan air yang sedang dihadapi di kawasan utara bandar raya Kota Kinabalu berikutan kedudukannya di hujung sistem paip air yang bermula dari Loji Rawatan Air (LRA) Telibong, di Tuaran.

"Saya fikir untuk tahun ini kita sudah ada peningkatan agak baik cuma beberapa lagi lokasi terutama di hujung (sistem paip) seperti UMS ada masalah tekanan rendah, jadi kita cuba tingkatkan perkara itu.

"Kita dimaklumkan selepas LRA Telibong Dua disiapkan, perkara ini akan dapat diselesaikan sebab 30 peratus air dari loji itu akan disalurkan ke paip asal di kawasan Sepanggar," katanya.